



SEBAHAGIAN daripada pelakon yang menjayakan pementasan teater Darah Muda menyingkap perjuangan Datuk Onn Jaafar di UTHM baru-baru ini.

# Darah Muda singkap perjuangan Datuk Onn

BERSEMPENA penganjuran Pentas Karya Teater Johor 2016, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) baru-baru ini mengadakan pementasan teater bertajuk *Darah Muda* menyingkap perjuangan Datuk Onn Jaafar pada 6 Mei lalu di Dewan Kuliah G3, UTHM.

Pementasan itu telah dirasmikan oleh Pegawai Daerah Batu Pahat, Mohd Halim Hasbullah dan turut dihadiri Naib Canselor UTHM, **Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin**.

Teater *Darah Muda* ini diadaptasi daripada karya Rohaidah Yon iaitu buku *Bintang Tiga di Batu Pahat*

yang menyingkap perjuangan Datuk Onn Jaafar, kisah dua generasi yang memperjuangi keamanan serta membangkitkan semangat cintakan bangsa dan negara.

Teater arahan Eddy Rusdi bersama Abu Haikal itu mengisarkan tentang sekumpulan anak muda yang selalu bersengketa sehingga tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969 yang menyebabkan pergaduhan antara kaum di Malaysia.

Kisah Kiai Salleh dan Datuk Onn Jaafar yang menyelamatkan negara daripada tentera Bintang Tiga turut diceritakan dalam karya ini bagi memberi kesedaran

kepada generasi muda hari ini.

Pementasan ini telah dijayakan oleh pelajar Kelab Warisan UTHM dan dibimbing oleh kakitangan Unit Kebudayaan Hal Ehwal Pelajar UTHM.

Idea menyertai Pentas Karya Teater Johor 2016 ini adalah rentetan daripada kejayaan UTHM menjuarai johan keseluruhan Festival Teater Negeri Johor.

Penganjuran persembahan teater ini mendapat kerjasama Majlis Kebudayaan Negeri Johor, Kerajaan Negeri Johor, dan Muafakat Johor.

Turut memberi kerjasama Majlis

Daerah Batu Pahat, Penerangan Batu Pahat, Muzium Tokoh Yayasan Warisan Johor dan Majlis Kebudayaan Batu Pahat.

Pementasan ini bukan sahaja menyahut saranan kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai perpaduan antara kaum malah menyahut seruan kerajaan menjana pendapatan universiti melalui penganjuran program seumpama ini.

Antara pelakon yang menjayakan pementasan ini ialah Mohd Naim Afandi, Eddy Rusdi, Mohd Faizul, Shahruh Nizam, Fadli Zainuddin, AirynDeyuz Benedict, Jane Ezaty, Nabila Tajuddin, Isyaa dan ramai lagi.